



Ruj.Kami: ANM.NS.100-1/5/3(19)
Tarikh : 22 Oktober 2020

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**ARAHAN OPERASI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SEMBILAN
BIL. 19 TAHUN 2020: PEMUATAN PROSEDUR PENDAFTARAN PEMBEKAL DI
eVENDOR OFFLINE.**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Jabatan Akauntan Negara Malaysia bernombor rujukan JANM.BPOPP.600-12/2/28 Jld. 2(3) bertarikh 15 Oktober 2020 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pendaftaran pembekal melalui Sistem eVendor secara *Offline* adalah bagi memudahkan urusan pendaftaran pembekal individu dan syarikat yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Proses pendaftaran eVendor secara *Offline* ini telah ditetapkan dalam Manual Prosedur Kerja iGFMAS iaitu Pendaftaran Pembekal Melalui Sistem eVendor Secara *Offline* (MPK VEND-03).
3. Sehubungan itu, semua Borang Pendaftaran dan Penamatan Pembekal Sistem eVendor secara *Offline* hendaklah diisi sendiri oleh pihak pembekal agar notifikasi pendaftaran yang dihantar oleh Sistem eVendor sedia maklum oleh pembekal tersebut. Borang Pendaftaran dan Penamatan Pembekal Sistem eVendor secara *Offline* boleh dimuat turun di laman web rasmi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan.
4. Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan perkara ini, dipohon pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan untuk menghubungi pegawai yang bertanggungjawab di Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan di talian 06-7686851/06-7686852.

5. Perhatian daripada pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A (M))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sembilan